

Dr. M setuju jumpa Pak Lah sebelum raya

JITRA 18 Okt. - Tun Dr. Mahathir Mohamad bersetuju untuk bertemu Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sebelum Hari Raya Aidilfitri ini bagi membincangkan perkara-perkara yang dibangkitkannya.

"Saya setuju jumpa Pak Lah sebelum Hari Raya, tapi eloklah bagi tau dua hari lebih awal. Jangan hari ini nak jumpa, hari ini bagi tau," katanya ketika ditanya pemberita mengenai persetujuan Perdana Menteri hari ini untuk bertemu beliau.

Dr. Mahathir berkata demikian selepas menghadiri majlis berbuka puasa bersama penduduk di Masjid Kampung Naga, dekat sini, petang ini.

Isterinya, Tun Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali dan anaknya, Datuk Mukhriz turut hadir.

Di Langkawi semalam, Dr. Mahathir berkata beliau bersedia mengadakan pertemuan itu untuk merungkaikan perkara-perkara yang dibangkitkannya termasuk mengenai projek yang dibatalkan kerajaan selepas persaraannya.

Ketika ditanya adakah beliau akan meletakkan syarat selepas Perdana Menteri memberi persetujuan, Dr Mahathir berkata: "Tak letak syarat, tapi elok bagi tahu lebih awal."

"Masa tinggal lima hari lagi (sebelum raya) jika beritahu lewat susahlah sebab saya ada program sendiri, nak kena batal, payahlah. Sepanjang bulan puasa saya tidak ke mana-mana, ada di sini," katanya.

Katanya, beliau akan beritahu Perdana Menteri apa yang diceritakannya kepada Mubarak (Persatuan Bekas Wakil Rakyat) tetapi apabila diminta mengulangi apa yang diceritakan itu, Dr. Mahathir berkata, "Nanti dulu."

"Mana tau nanti saya pi sana saya takut nak cakap," kata bekas Perdana Menteri itu, disambut ketawa hadirin.

- Bernama